

PERMOHONAN PINDAAN/TAMBAHAN IKLAN KE DALAM PERMIT IKLAN DAN JUALAN DI BAWAH PERATURAN 5(6), PERATURAN-PERATURAN PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN & PELESENAN) (PINDAAN) 2002

Bil.	Dokumen yang diperlukan	Keterangan
1.0	BORANG PERMOHONAN	
	<i>(Tiada borang khusus digunakan)</i>	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Surat iringan (covering letter) mesti disertakan.</i>
2.0	DOKUMEN SOKONGAN	
2.1	Penjelasan butiran pindaan atau penambahan jenis iklan yang dilakukan	
2.2	Pengesahan samada pindaan atau penambahan iklan ada/tiada melibatkan sebarang perubahan kepada harga jualan, pelan bangunan dan spesifikasi asal yang telah diluluskan. Sekiranya terlibat, pemaju perlu memohon kelulusan bagi setiap perubahan/pindaan yang berlaku daripada pihak Kementerian terlebih dahulu.	
2.3	Tiga salinan bagi setiap deraf iklan yang terbabit dalam permohonan.	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Brosur mesti mengandungi pelan lantai tipikal dengan perincian ukuran ruang (bilik, dapur, ruang tamu, dll) yang jelas dan spesifikasi dalam Bahasa Malaysia</i> • <i>Penyataan ‘...tertakluk kepada pindaan...’ dan logo Jabatan/Agensi Kerajaan mesti dibatalkan daripada deraf iklan</i> • <i>Tarikh jangka siap dan tarikh tamat pajakan mesti dinyatakan secara spesifik bulan dan tahunnya</i> • <i>Catatkan harga terendah dan tertinggi (harga bukan Bumiputera) dalam iklan, serta bilangan unit untuk dijual</i> • <i>Deraf iklan hendaklah yang terbaru dan telah dipinda dengan mencatatkan butiran pemajuan yang terbaru seperti bilangan baki unit, harga terendah dan tertinggi, dan apa-apa jua kenyataan yang terkandung di dalam Peraturan 6, Peraturan yang sama sepertimana di catat di bawah.</i>

- *Borang permohonan mesti mencatatkan baki unit yang masih belum dijual dengan jelas. Sekiranya masih tiada sebarang penjualan dilakukan ketika permohonan pembaharuan PI&J, maka penjelasan perlu diberikan.*

Catatan:

BUTIRAN YANG PERLU DIMASUKKAN KE DALAM DRAF IKLAN DI BAWAH PERATURAN 6, PERATURAN-PERATURAN PEMAJU PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) (PINDAAN) 2002

- (i) Nama pemaju beserta alamat lengkap dan no. telefon*
- (ii) No. lesen pemaju dan permit iklan & jualan beserta tempoh sahlaku*
- (iii) Jenis Pegangan tanah – Kekal/Bebas, Pajakan, Rezab Melayu, dsb.
Jika berstatus Pajakan, tarikh tamat tempoh pajakan tanah hendaklah dicatatkan dengan jelas dalam iklan*
- (iv) Bebanan (gadaian) tanah – nyatakan nama institusi gadaian*
- (v) Nama Pihak Berkuasa / Majlis yang meluluskan*
- (vi) No. kelulusan Pihak Berkuasa / rujukan pelan bangunan*
- (vii) Tarikh projek dijangka siap – nyatakan bulan dan tahunnya*
- (viii) Harga jualan terendah dan tertinggi; dan*
- (ix) Bilangan unit rumah*